

# Pulau Pinang kini ibarat 'Venice kecil'

**Georgetown:** Pulau Pinang kini boleh digelar 'Venice kecil' selepas kebanyakan kawasan di negeri ini kerap mengalami banjir kilat.

Ia susulan kegagalan Kerajaan DAP Pulau Pinang menyelesaikan masalah itu yang sering menghantui penduduk apabila setiap kali hujan lebat.

Naib Pengerusi GERAKAN negeri, Oh Tong Keong, berkata keadaan itu menyebabkan penduduk terus dibelenggu masalah sama, selain terpaksa berada dalam keadaan berjaga-jaga setiap kali hujan kerana khuatir rumah mereka dinaiki air.

## **Banjir kilat kerap melanda**

"Banjir kilat yang terlalu kerap melanda kebanyakan kawasan di negeri ini menyebabkan penduduk semakin resah, selain terpaksa berhadapan pelbagai ancaman. Ia juga menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian yang besar.

"Kekerapan kejadian ini berulang juga menggambarkan Pulau Pinang seakan-akan 'Venice mini' kerana kebanyakan kawasan-nya ditenggelami banjir," katanya kepada BH.

Tong Keong turut mempersoal pendekatan Kerajaan DAP Pulau Pinang yang meluluskan pelbagai projek pembangunan berkapasiti tinggi tanpa mengkaji nisbah keadaan sistem perparitan sedia ada.

"Apa yang kita saksikan hari ini, banyak pembangunan berkapasiti tinggi dibina di kebanyakan kawasan di negeri ini tanpa menitikberatkan nisbah keadaan sistem perparitan sedia ada.

"Ini menyebabkan aliran air di sesebuah kawasan terganggu, sekali gus menyebabkan ia melimpah ke kawasan berhampiran hingga menjejaskan kejiranan setempat," katanya.